

**SURAT HASRAT UNTUK BEKERJASAMA
DI ANTARA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
DENGAN
INSTITUT STUDI ISLAM DARUSSALAM, INDONESIA**

Tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia dan polisi-polisi, dan berdasarkan kepada prinsip-prinsip ekuiti dan persalingan, dan dalam usaha untuk menggalakkan usahasama, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa Surat Hasrat Untuk Bekerjasama ini akan bertindak sebagai rangka kerja am bagi kerjasama yang akan diadakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang bagi tujuan ini diwakili oleh Fakulti Pendidikan dengan Institut Studi Islam Darussalam, Indonesia di dalam bidang-bidang seperti berikut :

1. Pertukaran ahli akademik untuk memenuhi keperluan kedua-dua pihak dengan memberi fokus kepada Pendidikan Islam dan Bahasa Arab
2. Pertukaran pelajar Pendidikan Islam dan Bahasa Arab
3. Bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan
4. Bekerjasama dalam menganjurkan seminar dan bengkel


Kedua-dua pihak memahami bahawa sekiranya aktiviti-aktiviti tersebut hendak dilaksanakan, segala kos dan tanggungan hendaklah dibincangkan bersama dan bergantung kepada sumber yang ada di Institusi masing-masing.

Butiran pelaksanaan setiap projek perlulah diperincikan dan dipersetujui secara bersama.

Sekiranya kedua-dua pihak ingin melaksanakan program kerjasama maka pihak-pihak akan memasuki Memorandum Persefahaman/Memorandum Perjanjian yang mengikat.

Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada Surat Hasrat ini pada 2008.


Bagi
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



.....
**PROF. DATIN DR. SITI RAHAYAH
ARIFFIN**

Dekan
Fakulti Pendidikan

Bagi
INSTITUT STUDI ISLAM
DARUSSALAM, INDONESIA



.....
DR. H. AMAL FATHULLAH Z, M.A

Timbalan Rektor